

Headline	PSG kumpul usahawan bumiputera		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	03 May 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	43	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,452
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,356



PSG kumpul usahawan bumiputera

Platform bertemu secara terus dengan kementerian, agensi kerajaan

DUNGUN - Seramai 400 usahawan dan bakal usahawan khususnya dari luar bandar dikumpulkan sempena program pusat sehenti Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) atau PSG Ketengah yang diadakan di Balora, AMBS, di sini, baru-baru ini.

PSG digerakkan sebagai platform kepada usahawan atau peserta bumiputera dengan membuka peluang untuk bertemu secara terus dengan kementerian dan agensi kerajaan yang berkait bidang keusahawanan.

Pengurus Besar Gabem, Tajuddin Adan berkata, PSG bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada usahawan untuk mendapatkan maklumat mengenai kemudahan yang ditawarkan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan serta berkongsi maklumat dengan usahawan lain.

Menurutnya, pelbagai kemudahan dan peluang disediakan oleh agensi kerajaan untuk membantu usahawan tetapi masih ramai tidak memanfaatkan kelebihan itu kerana tiada pendedahan.

"PSG adalah satu majlis ilmu yang membawa manfaat kepada para usahawan atau bakal usahawan dan asas penubuhan Gabem adalah untuk mengimbangi penguasaan perniagaan atau ekonomi di negara kita supaya bumiputera tidak ketinggalan," katanya.

Tajuddin berkata, menerusi program itu mereka berusaha mengumpulkan seberapa ranai usahawan, bakal usahawan dan agensi kerajaan yang sepatutnya membantu orang Melayu untuk berniaga.

"Kita juga mengumpulkan sebanyak mungkin agensi kerajaan yang menawarkan pelbagai perkhidmatan atau bantuan demi membantu pembangunan ekonomi masyarakat Melayu khususnya di luar bandar," katanya.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Ketengah, Datuk Din Adam yang menyempurnakan acara perasmian.

Beliau berkata, PSG memberi ruang kepada usahawan untuk berinteraksi secara terus dengan agensi berkaitan dan menetapkan hala tuju dalam membangunkan lagi perniagaan yang diusahakan.

gaan yang diusahakan.

"Menerusi program ini diharapkan dapat mewujudkan kesedaran kepada masyarakat bumiputera untuk menceburi bidang perniagaan.

"Berdasarkan semakan banyak kemudahan disediakan agensi kerajaan untuk membantu usahawan tetapi maklumat tidak sampai ke peringkat akar umbi. Apabila maklumat tidak sampai, usahawan tidak tahu untuk memohon dan ia satu kerugian," katanya.

Katanya, program itu memberi penerangan secara jelas kepada mereka dan mereka memperoleh sebanyak mungkin maklumat.

"Mereka boleh berinteraksi secara terus dan jaringan perniagaan juga akan lebih berkembang.

"Mereka juga dapat berkongsi ilmu, pengalaman dan pelbagai lagi maklumat untuk membawa bumiputera ke arah masyarakat yang suka berniaga dan meningkatkan ekonomi supaya Melayu tidak ketinggalan," katanya.

Antara agensi kerajaan yang terlibat ialah Mara, Tekun, Sme Bank, SME Corp, Risda, Fama, Kemas, Giat Mara dan banyak lagi

Headline	PSG kumpul usahawan bumiputera		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	03 May 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	43	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,452
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,356



Din (tengah) ketika melawat gerai pameran di PSG.